

مسلمین

MUSLIMIN

Surat Berita Hal Ehwal Ugama



Keluaran: Kementerian Hal Ehwal Ugama
Terbitan: Pusat Da'wah Islamiah



JANUARI 2022 M

Jamadilawal - Jamadilakhir 1443H
Tahun 34 • Bil 1



GAMBAR Hiasan

BERITA UTAMA

SESI PERSEKOLAHAN PERINGKAT KEDUA SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA, ARAB, ITQSHHB BERMULA 17 JANUARI

»3

Sekolah Arab, ITQSHHB
Mulakan Pembelajaran
Bersemuka Secara
Berperingkat

7

Taklimat Program
Bimbingan dan
Latihan Kemahiran
Bahasa Arab

13

Jerayawara Vaksin
Ketuhanan
Dan Tawakal

10

Bengkel Pencegahan
Rasuh

13

Pimpin Keluarga
Menuju Jalan
Ketakwaan

11

Peserta Kursus Skim
Bimbingan Lanjutan
Terima Sijil

14

Tadabbur
Surah Yasin

12

Produk Menggunakan
Label Halal Palsu
Dirampas

15



Malam Munajat KHEU

Majlis Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) diteruskan lagi dengan corak yang berbeza dari minggu-minggu sebelumnya, iaitu dengan memuatkan Doa Munajat dan Tazkirah.



Contoh Sunnah Rasulullah Dalam Kehidupan Seharian

Allah Subhanahu wa Ta'alaa akan mengasihi hamba-hamba-Nya yang mengikuti sunnah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam.



Majlis Doa Kesukuran 38 Tahun Masjid Kampung Sungai Besar

Kini boleh menampung lebih 600 orang jemaah selepas ia diperbesarkan setelah jumlah jemaah semakin meningkat.



BERTAWAKAL KEPADANYA

Kemudian apabila engkau telah berazam (untuk berbuat sesuatu sesudah bermesyuarat) maka bertawakallah kepada Allah (melaksanakannya). Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal

Surah Aali-'Imraan ayat 159

Tahun 2022 ini, dengan rahmat dan kasih sayang Allah Subhanahu wa Ta'ala telah mengurniakan kepada kita kesempatan untuk beribadah kepada-Nya, serta berbakti kepada masyarakat dan negara. Sebagai seorang mu'min, kita sentiasa berterusan bergantung harapan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala sahaja yang berkuasa untuk mengurniakan segala kebaikan bagi hamba-Nya. Allah Subhanahu wa Ta'ala yang mencukupkan segala keperluan kita di dunia ini. Bahkan segala doa yang kita panjatkan, mahupun harapan yang tersirat di dalam hati, segalanya berada di bawah pengetahuan Allah yang Esa lagi Maha Mengetahui.

Mulakan tahun baru ini dengan berazam dan secara istiqamah untuk sembahyang fardhu di awal waktu dan secara berjemaah, memperbanyakkan membaca al-Qur'an serta menunaikan sembahyang sunat seperti dhuha, hajat, tahajjud dan lainnya kerana tidak dinafikan, akan ada dugaan dan cabaran yang terpaksa ditempuhi dan perlu bergantung dan berserah kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala untuk berhadapan dengan semua ini dengan hati yang teguh atas setiap dugaan yang dihadapi. Bertawakallah kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana setiap apa saja yang kita lakukan mesti berserah dan yakin dengan pertolongan-Nya yang *in sya Allah* ia akan dipermudahkan.

Selamat Tahun Baru Masihi 2022

Anggota Redaksi



PENASIHAT: Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • **PENOLONG PENASIHAT:** Abd. Aziz bin Haji Abd. Kahar, Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • **KETUA PENERBIT:** Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan • **PENOLONG KETUA PENERBIT:** Hajah Suriyati binti Haji Ahmed, Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan [Pemasaran] • **PENYELARAS:** Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Qairunnisa binti Haji Jalil • Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • Mohamad Zelihan bin Ahad • Dahlan bin Chuchu • Suriati binti Haji Ali Hussin • Azizah binti Hidup • Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani • **PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:** Mohamad Zelihan bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:** Pg. Md Rafiuddin bin Pg. Hj Badaruddin • Nurul Nabilah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •

| Lidah Pengarang |



FADHILATNYA:

Akan diberikan ni'mat dapat mengerjakan sembahyang, mengekalkan keimanan, menjadi seorang yang berusaha; dan bagi wanita, akan merasakan senang dan suka untuk menutup aurat dengan baik.

SESI PERSEKOLAHAN PERINGKAT KEDUA SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA, ARAB, ITQSHHB BERMULA 17 JANUARI



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin

BERAKAS, Sabtu, 9 Jamadilakhir bersamaan 15 Januari - Peringkat Kedua pembukaan sekolah yang melibatkan pelajar-pelajar Darjah V dan Darjah VI Sekolah-sekolah Ugama juga pelajar-pelajar Sanah 7 hingga Sanah 9 Sekolah-sekolah Arab dan Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) bermula pada 17 Januari 2022 bersamaan 14 Jamadilakhir 1443.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama memaklumkan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

"Para pelajar Darjah V dan Darjah VI persekolahan ugama, akan mengikuti sesi pembelajaran secara bersemuka, sebanyak lima hari seminggu dan para pelajar yang tidak hadir ke sekolah akan mengikuti sesi pembelajaran secara dalam talian ataupun diberikan Home Learning Pack (HLP)," jelas Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat, "Pelajar-pelajar Sanah 7 hingga Sanah 9 persekolahan Arab dan ITQSHHB akan memulakan sesi pembelajaran secara bersemuka, empat hari dalam seminggu, iaitu Isnin hingga Khamis dan secara dalam talian, pada setiap Sabtu, di samping pelajar-pelajar Sanah 10 dan Sanah 11 juga Pra UI dan Pra U2, yang mula bersekolah, pada peringkat pertama lalu."

"Manakala pelajar-pelajar di peringkat sekolah rendah, iaitu Sanah 5 dan Sanah 6 persekolahan Arab serta pelajar-pelajar Peringkat Pra Sekolah Ugama dan Darjah I hingga Darjah IV akan meneruskan sesi pembelajaran sepenuhnya secara dalam talian atau diberikan HLP bagi pelajar yang memerlukan," menurut Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat mengongsikan, Pelaksanaan Sesi Persekolahan Peringkat Pertama Fasa Awal Endemik Tahun 2022 bagi Sekolah-sekolah Arab dan ITQSHHB, yang bermula pada Isnin, 3 Januari 2022 bersamaan

29 Jamadilawal 1443, bagi pelajar-pelajar Tahun 10 hingga Pra U, yang hadir secara fizikal ke sekolah untuk mengikuti sesi pembelajaran secara bersemuka, empat hari dalam seminggu dan secara dalam talian, pada setiap Sabtu, telah berjalan dengan lancar.


Pelaksanaan sesi persekolahan peringkat pertama tersebut berjalan dengan teratur, mengikut garis panduan juga Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan semua warga sekolah. Dalam pada itu, seramai 2,158 pelajar Sanah 10 hingga Pra U menjalani pemeriksaan Antigen Rapid Test (ART) yang ditetapkan, seminggu sekali, pada Peringkat Pertama Persekolahan Fasa Awal Endemik dan semua keputusan ujian para pelajar adalah negatif.

"Hanya satu kes didapati 'false' positif, walau bagaimanapun keputusan ujian PCR yang dilaksanakan adalah negatif," jelas Yang Berhormat lagi.

Walau bagaimanapun, pada peringkat kedua pembukaan sekolah, bermula 17 Januari 2022 ini, jelas Yang Berhormat, pemeriksaan ART bagi pelajar-pelajar Sekolah Arab akan dilaksanakan di sekolah masing-masing, manakala pelajar-pelajar Sekolah Ugama akan menjalani pemeriksaan, di sesi persekolahan menengah mereka.

KHEU mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama para guru, ibu bapa, pelajar juga semua pihak yang berkenaan, dalam sama-sama memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan teratur, mengikut garis panduan dan SOP yang ditetapkan. ■

MALAM MUNAJAT KHEU



TAZKIRAH disampaikan oleh Yang Mulia Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman, Pegawai Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah pada Malam Munajat KHEU.

Tazkirah antara lain menyentuh mengenai hikmah bermunajat dengan doa, zikir dan membaca al-Qur'an serta kepentingan bermunajat, terutamanya pada situasi masa ini apabila kita sedang menghadapi ancaman penularan wabak COVID-19.

Malam Munajat juga disertai oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; dan Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal).

Sementara itu, pada 5 Jamadilakhir bersamaan 8 Januari, lebih 1,000 penyertaan menyertai Malam Munajat bersama Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Majlis disertai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, yang seterusnya memulakan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah bagi memimpin majlis.

Tazkirah bertajuk 'Keagungan Ayat al-Kursiy disampaikan oleh Dr. Awang Haji Dennie bin Haji Abdullah,

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin

BERAKAS, Sabtu, 27 Jamadilawal bersamaan 1 Januari - Majlis Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) diteruskan lagi dengan corak yang berbeza dari minggu-minggu sebelumnya, iaitu dengan memuatkan Doa Munajat dan tazkirah.

Majlis Malam Munajat dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan Surah al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Majlis Malam Munajat malam tadi juga diserikan dengan penyertaan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, yang seterusnya berkesudian membaca Doa Munajat memohon rahmat dan keampunan dari Allah Subhanahu wa Ta'alā serta memohon terhindar daripada segala bala bencana dan penyakit berbahaya.

Turut menjadi perhatian ialah tazkirah yang disampaikan oleh Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman, Pegawai Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah.

Tazkirah antara lain menyentuh mengenai hikmah bermunajat dengan doa, zikir dan membaca al-Qur'an serta kepentingan bermunajat, terutamanya pada situasi masa ini apabila kita sedang menghadapi ancaman penularan wabak COVID-19.



BACAAN Shalawat Ibrahimiyah dipimpin oleh Belia Muallaf Asy-Syahadah menyeriakan lagi Malam Munajat KHEU.

Penolong Mufti (Ifta'), Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, menyertai orang ramai supaya mengamalkan membacanya selepas sembahyang fardhu lima waktu, sebelum tidur, pada waktu pagi dan petang sebagai zikir harian, sebelum keluar rumah dan sebagainya.

Bacaan surah Yasin beramai-ramai dipimpin oleh Awang Mohamad Hashim bin Haji Abdullah, Pegawai Pelajaran, Pusat Pengajaran dan Penyebaran Al-Qur'an MABIMS, sementara bacaan Doa Munajat oleh Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, Ketua Hakim Syar'i, Jabatan Perdana Menteri.

Majlis diakhiri dengan bacaan Shalawat Ibrahimiyah dipimpin oleh Belia Muallaf Asy-Syahadah, Pusat Da'wah Islamiah. Turut serta menyeriakan Majlis Malam Munajat tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



SEBAHAGIAN penyertaan pada Malam Munajat KHEU.

Malam Munajat juga disertai oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang turut mengepalai permulaan acara dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah secara maya dari Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar. Malam Munajat turut disertai oleh para pelajar Negara Brunei Darussalam di Universiti Al-Azhar yang memimpin bacaan Zikir Taubat secara langsung dari Kaherah, Mesir.

Tazkirah pada malam itu disampaikan oleh Awang Muhammad Yussof bin Haji Abd. Majid, Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II dari Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Tazkirah menyentuh mengenai tanda rahmat Allah Subhanahu wa Ta'alā kepada hamba-Nya adalah orang yang sentiasa memiliki perasaan istighfar dan benar-benar memahami bahawa kehidupan di dunia ini adalah sementara dan dunia ini adalah tempat meninggal, bukan tempat tinggal yang hakiki.

Turut serta menyeriakan Malam Munajat tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dan Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pada 19 Jamadilakhir 1443H bersamaan 22 Januari, Malam Munajat bagi minggu keempat diteruskan dengan penyertaan dari warga Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dari surau-surau garisson seluruh negara. Di samping itu, sejumlah 43 buah masjid seluruh negara juga mengikuti Malam Munajat secara maya.

Acara dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan Surah al-Fatihah yang dikepalai oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri Pertahanan Kedua, bersama-sama anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei secara maya dari Surau Ad-Difa', Bolkiah Garisson.

Tazkirah bertajuk 'Panduan Sunnah Dalam Mencegah Musibah', disampaikan oleh Kapten



MALAM Munajat KHEU yang disertai oleh Kementerian Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan jemaah-jemaah Masjid.

Mohammad Ayza Azrine bin Ayahani, Pegawai Operasi Agama dari Jabatananrah Agama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Tazkirah menyentuh mengenai kepercayaan dan keyakinan kita menurut panduan dalam menjalani kehidupan iaitu al-Qur'an dan sunnah. Kita sebagai umat Islam harus percaya dan yakin bahawa sunnah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam pasti akan membawa kepada kesejahteraan, keselamatan dan keamanan insya Allah", jelas beliau..

Hadir sama pada Malam Munajat minggu ini ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dan Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

m.s.6



PENYERTAAN daripada Kementerian Pembangunan dan para muslimah masjid serta jemaah masjid menyeroni lagi Malam Munajat KHEU.

m.s. 5 Malam Munajat bagi minggu kelima terus diadakan pada 26 Jamadilakhir bersamaan 29 Januari.

Acara minggu ini menyaksikan penyertaan daripada warga Kementerian Pembangunan serta penglibatan para muslimah masjid di samping sebanyak 57 buah masjid seluruh negara juga mengikuti acara tersebut secara maya.

Tazkirah bertajuk 'Sihat Dengan Zikir' yang disampaikan oleh Pengiran Norhayati binti Pengiran Haji Kasharan, Pengusa Dakwah dan Tabligh, Pusat Da'wah Islamiah.

Antara pengisian tazkirah ialah cara bagaimana menjaga kesihatan rohani dan mental iaitu dengan mendirikan


sembahyang, berzikir dan beristighfar dengan penuh khusyu' dan berharap akan mendapat ganjaran dari Allah Subhanahu wa Ta'alā.

Acara Malam Munajat minggu ini dimulakan dengan bacaan Sayidul Istighfar dan aurah al-Fatihah yang dikepalai oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhami bin Haji Gafar, Menteri Pembangunan, bersama pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan secara maya dari Surau Kementerian Pembangunan.

Malam Munajat yang diadakan bertujuan mengajak warga Kementerian Hal Ehwal Ugama dan orang ramai untuk turut serta bersama-sama mendekatkan diri

dan memohon keampunan dari Allah Subhanahu wa Ta'alā dengan bermunajat, beristighfar, berzikir, berselawat dan merafakkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar rakyat Negara Brunei Darussalam terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit berbahaya, khasnya wabak COVID-19.

Sama-samalah kita meningkatkan kewaspadaan kita dalam mencegah penularan wabak ini dan sentiasa berdoa kepada Allah Subhanahu wa Ta'alā semoga negara kita akan dilindungi serta bebas daripada wabak berkenaan dengan izin-Nya jua. ■



ANTARA yang ikut serta dalam majlis Malam Munajat KHEU.

SEKOLAH ARAB, ITQSHHB MULAKAN PEMBELAJARAN BERSEMUKA SECARA BERPERINGKAT

Oleh : Qairunnisa Haji Jalil



PELAJAR Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha semasa menghadiri sesi pembelajaran secara bersemuka.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Jamadilawal bersamaan

3 Januari - Sekolah-sekolah Arab seluruh negara dan Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) memulakan sesi persekolahan tahun ini, dengan pengajaran dan pembelajaran bersemuka secara berperingkat, mengikut garis panduan Fasa Awal Endemik.

Pembelajaran bersemuka secara berperingkat ini bertujuan untuk memantau keadaan penularan wabak COVID-19 terlebih dahulu dalam kalangan pelajar-pelajar, tenaga pengajar dan kakitangan sekolah-sekolah juga institusi pendidikan, sebelum ia dibuka ke peringkat seterusnya, selain membudayakan norma baharu dalam kalangan warga sekolah.

Persekolahan Arab memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka untuk pelajar Sanah 10, 11 dan Pra U.

Sementara itu, pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar 'sanah' lainnya adalah melalui kaedah dalam talian atau secara Home Learning Pack (HLP).

Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB), mencatatkan kehadiran seramai 707 pelajar Pra UI dan Pra U2.

Manakala bagi pelajar Sanah 10 dan 11, di Sekolah-sekolah Arab, Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah mencatat kehadiran 634 pelajar; Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha menerima 712 pelajar; dan Ma'had Islam Brunei menerima 99 pelajar.

ITQSHHB pula memulakan sesi persekolahan di Fasa Awal Endemik ini untuk siswa-siswi Diploma Aliyah Qira'at juga pelajar Tahun 10 dan Tahun 11.

Sementara itu, pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar-pelajar lain adalah melalui kaedah dalam talian atau secara HLP.

Seramai 68 siswa dan siswi Diploma Aliyah Qira'at, juga 57 pelajar lelaki dan 79 pelajar perempuan dari Tahun 10 dan Tahun 11 juga memulakan pembelajaran secara bersemuka.

Para pelajar turut menjalani ujian ART, memeriksa suhu badan juga mendaftar kehadiran, di sekolah masing-masing terlebih dahulu.

Antara aktiviti-aktiviti yang diaturkan semasa sesi permulaan sekolah, di Fasa Awal Endemik ini ialah Sembahyang Hajat, membaca 30 Juz Al-Qur'an juga Doa Khatam Al-Qur'an, dan membaca Doa Selamat, Doa Terhindar daripada Wabak COVID-19 juga Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam. ■

CONTOHI SUNNAH RASULULLAH DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 22 Jamadilakhir bersamaan

25 Januari - Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman dalam surah 'Aali-Imraan, ayat 31, mafhumnya: "Katakanlah (wahai Nabi Muhammad): Jika kamu mengasihi Allah, maka ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi kamu dan mengampuni dosa-dosa kamu. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih."

Ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa suruhan Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam mengikuti sunnah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam dalam kehidupan 'kitani' sehari-hari, seperti mengikuti cara-cara Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam minum, menggunakan wang-wangian, memakai baju yang berwarna putih dan lain-lain.

Mengikuti sunnah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam itu, jelas sekali akan diberikan ganjaran pahala, apatah lagi menurut firman tersebut di atas, Allah Subhanahu wa Ta'ala akan mengasihi hamba-hamba-Nya yang mengikuti sunnah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam

Perkara tersebut disampaikan oleh Dr. Haji Adanan bin Haji Basar, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), semasa menyampaikan ceramahnya di Masjid Ar-Rahman Tanjung Bunut.

Terdahulu, Dr. Haji Adanan menjelaskan, sebelum dunia dilanda oleh pandemik COVID-19, banyak penyakit berjangkit yang pernah meragut jutaan nyawa, seperti wabak Athens (430 Masihi - meragut nyawa suku daripada tentera Athens), wabak Antonine (166 Masihi hingga 180 Masihi - meragut sebanyak lima juta nyawa), wabak Cyprian (251 Masihi hingga 266 Masihi - meragut

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



DR. Haji Adanan semasa menyampaikan ceramahnya.

nyawa sebanyak 5,000 sehari), wabak Justinian (541 Masihi hingga 750 Masihi - meragut hingga 50 peratus daripada penduduk Eropah), Black Death (1300 Masihi - meragut 75 juta hingga 200 juta nyawa) dan Spanish Flu (1918 Masihi - meragut sebanyak 50 juta nyawa).

Jelasnya, kesemua penyakit berkenaan sememangnya makhluk Allah Subhanahu wa Ta'ala yang dikatakan lebih kecil daripada kuman.

Dr. Haji Adanan seterusnya menyeru kepada penduduk di Negara Brunei Darussalam untuk kembali mengingati Allah dan mengikuti sunnah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam untuk merebut pahala yang dijanjikan Allah dan agar Negara Brunei Darussalam terus sahaja dilindungi oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Seterusnya Dr. Haji Adanan mengingatkan kembali akan Titah Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Raya

Aidiladha bagi Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masihi di Istana Nurul Iman pada 20 Julai 2021 yang lalu.

"Oleh itu, belumlah sampai masanya untuk kita berlonggar-longgar dengan situasi hari ini. Tetapi, masih sahaja perlu untuk terus berhati-hati dengan mematuhi protokol kesihatan, di samping konsisten mengamalkan Vaksin Ketuhanan selaku perisai diri," jelasnya lagi.

Program berkenaan dimulakan dengan Sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah, diikuti dengan ceramah dan diakhiri dengan Sembahyang Fardhu Isya' berjemaah. ■



ANTARA yang turut menghadiri dalam majlis tersebut.

MAJLIS DOA KESYUKURAN 38 TAHUN MASJID KAMPUNG SUNGAI BESAR

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad



AWANG Haji Amir Hisham, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid (dua dari kiri) hadir pada majlis Doa Kesukuran 38 Tahun Masjid Kampung Sungai Besar.

BANDAR SERI BEGAWAN,
Isnin, 29 Jamadilawal bersamaan

3 Januari - Masjid Kampung Sungai Besar kini menjangkau usia ke-38 tahun terus memainkan perananannya kepada orang ramai, terutama penduduk kampung berkenaan seperti mendirikan sembahyang berjemaah dan mengadakan pelbagai aktiviti keagamaan.

Sehubungan itu, Majlis Doa Kesukuran sempena Memperingati Hari Perasmian Masjid Kampung Sungai Besar Yang Ke-38 Tahun diadakan di masjid berkenaan.

Majlis dihadiri oleh Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama; dan Awang Haji Mohiddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Penasihat Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar.

Majlis bermula dengan bacaan surah Yasin, Tahlil dan seterusnya bacaan Doa Kesukuran yang dibacakan oleh Awang Muhammad Hazman bin Haji Mohd. Hairol Azme, Imam Masjid Kampung Sungai Besar.

Haji Awang Zaini bin Haji Awang Damit, Setiausaha Ahli Jawatankuasa Takmir, melahirkan rasa kesyukuran atas peranan Ahli Jawatankuasa Takmir yang dijalankan dalam usaha mentakmirkan dan mengimarahkan masjid sebagai kesinambungan peneraju Ahli Jawatankuasa Takmir yang lalu.


Menurutnya, pelbagai aktiviti membentuk dan menarik orang ramai untuk 'mencintai masjid' dilakukan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, di samping para belia dan belianis serta muslimah turut memainkan peranan untuk sama-sama mengimarahkan masjid.

Masjid Kampung Sungai Besar yang terletak kira-kira 15 kilometer dari ibu negara itu dibina pada 1 Oktober 1982 di atas tapak tanah seluas 2 ekar dengan kapasiti masjid yang menampung seramai 280 orang jemaah dan kini boleh menampung lebih 600 orang jemaah selepas ia diperbesarkan.

Masjid berkenaan dibuka rasmi pada Ahad, 27 Rabiulawal 1404 Hijrah bersamaan dengan 1 Januari 1984 oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, Menteri Pelajaran pada ketika itu. ■

JERAYAWARA VAKSIN KETUHANAN DAN TAWAKAL

Oleh : Dahlan Chuchu



CERAMAH بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَمَا أَرْسَلْنَا إِلَّا رَحْمَةً لِلنَّاسِ
“And We have not sent you [O Muhammad], except as a mercy to the worlds”

KULIAH SIRAH RASULULLAH
جامع عصر حسن الباقية
• Setiap Hari Ahad Malam Isnin
• Lepas Solat Maghrib
• د. محمدان بن حاج بدر

ORANG RAMAI DIALU-ALUKAN HADIR

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Jamadilakhir bersamaan 14 Januari - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid giat mengadakan Jerayawara Vaksin Ketuhanan dan Tawakal di masjid-masjid utama di seluruh daerah. Program tersebut diadakan selepas Sembahyang Fardhu Maghrib hingga Sembahyang Fardhu Isya'.


Antara isi program yang diungkayahkan ialah Kuliah Sirah Rasulullah *Shallallahu 'ala'ihi wa sallam* yang diadakan setiap Ahad (malam Isnin) iaitu selepas Sembahyang Fardhu Maghrib.

Kuliah tersebut disampaikan oleh Dr. Haji Adanan bin Haji Basar, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Matlamat program diadakan adalah bagi menyampaikan maklumat berkaitan dengan konsep ketuhanan iaitu bacaan-bacaan doa dalam sembahyang yang perlu dihayati sebagai pendinding daripada wabak dan bencana, selain menyeru para jemaah masjid mengamalkan bacaan wirid selepas sembahyang, sebagaimana yang diajarkan oleh Rasulullah *Shallallahu 'ala'ihi wa sallam* agar kita semua mendapat kelebihan daripada amalan tersebut.

Para jemaah juga dijelaskan akan makna konsep tawakal sepenuhnya, penjagaan kebersihan, kesihatan juga pengambilan vaksin dan mengamalkan 'Vaksin Ketuhanan' sebagai amalan harian.

Orang ramai bolehlah mendapatkan maklumat terkini mengenai program ini, dengan mengikuti Instagram rasmi KUPU SB, '@kupusb_official'. ■



PIMPIN KELUARGA MENUJU JALAN KETAKWAAN

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



AWANG Haji Mohd. Khairul Azhar semasa menyampaikan ceramah di Program Rancangan An-Nuur.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Jamadilakhir bersamaan 28 Januari

- Ugama Islam sangat menekankan tanggungjawab kepimpinan dalam institusi rumah tangga. Konsep kepimpinan secara umumnya wujud dalam setiap peringkat individu dan ia merupakan cabaran utama yang perlu difahami oleh semua umat Islam bahawa kepimpinan bukan sekadar tanggungjawab semata-mata, malah ia juga sesuatu yang dipertanggungjawabkan di akhirat kelak.

Jika dilihat dalam skop sesebuah rumah tangga, ia dipimpin oleh seorang suami, di mana ia akan memimpin, membimbing, melatih dan menjadi inspirasi atau 'role model' untuk menjadi contoh dan teladan kepada isteri dan anak-anak. Dalam alam perkahwinan, tanggungjawab seorang suami adalah untuk mendidik dan membawa isteri dan anak-anaknya untuk beribadah kepada Allah Subhanahu wa Ta'alha.

Ahli Panel iaitu Awang Haji Mohd. Khairul Azhar bin Idris, Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, menjelaskan perkara tersebut semasa mengulas tajuk 'Pimpin Keluarga Menuju Jalan Ketakwaan' pada Program Rancangan An-Nuur yang disiarkan melalui televisyen di saluran RTB Perdana dan RTB Sukmaindera.

Taqwa pula jelasnya bermaksud, takut akan Allah Subhanahu wa Ta'alha. iaitu mengerjakan segala apa yang diperintahkan oleh Allah dan menjauhi diri daripada apa yang dilarang-Nya.

"Justeru, kita (suami) membimbing keluarga 'kitani' iaitu isteri yang kita kahwin ataupun keluarga yang ada pertalian darah iaitu ayah, ibu dan adik-beradik menuju jalan yang diredayai oleh Allah atau patuh kepada perintah Allah Subhanahu wa Ta'alha, itulah yang dimaksudkan sebagai memimpin keluarga ke jalan ketakwaan," ujarnya.

Dalam memimpin keluarga menurut syara', tugas dan tanggungjawab seorang suami terhadap isteri bermula setelah proses pernikahan.

Suami sebagai ketua keluarga, ia bertanggungjawab melindungi anak dan isterinya di mana seorang suami berkewajipan mengawal, membimbing, menyelaraskan kerja dan berusaha mencari keperluan hidup dalam keluarganya.

Mencari keperluan hidup memang ditekankan kepada seorang suami untuk mencari naafkah kepada isteri dan anak-anaknya, selain menyediakan tempat berlindung iaitu tempat tinggal, pakaian dan makan minum keluarga.

Dalam masa yang sama, tambah beliau, seorang suami adalah wajib untuk mengajar ilmu kefahaman Islam kepada anak dan isterinya, iaitu dengan mendidik mereka berseimbang, diajarkan ilmu thaharah dan diajarkan ibadah-ibadah lain.

Terangnya, jika seorang suami tidak mempunyai kapakan dalam bidang ini, maka ia wajib menghantar atau mendidik isteri atau anaknya dengan membiayai bayaran pengajian untuk belajar ugama.

Oleh yang demikian, tugas seorang suami bukanlah satu perkara yang ringan, malah ia adalah tugas yang berat, apatah lagi dalam mendidik dan membimbing isteri serta keluarga menuju ke jalan ketakwaan.

Beliau seterusnya menambah, seorang bapa atau suami hendaklah mengamalkan sikap tanggungjawab terhadap segala keadaan anak dan isterinya. Jika ada salah laku atau kesilapan yang berlaku dalam sesuatu rumah tangga itu, maka ia haruslah memperbaiki dengan hikmah dan baik.

Sebagai seorang pemimpin jelasnya, seseorang itu tidak boleh jauh daripada sifat-sifat mahmudah (terpuji) dan hendaklah berfikiran positif.

Dalam hidup berumah tangga tambahnya, kita hendaklah bersedia untuk membetulkan dan diperbetulkan. Ini kerana walaupun kita sebagai pemimpin dalam rumah tangga, kita tidaklah sentiasa betul, ada kalanya kita boleh juga diperbetulkan.

"Untuk mencapai ke arah kesempurnaan berkeluarga dan memimpin keluarga menuju ketakwaan, kita perlu sering menerima dengan hati yang terbuka, jika cara kita salah, kita perlu perbaiki, antara isteri dan anak. Apa juar kesilapan dan kekurangan hendaklah dipantau dan dinasihatkan secara baik," kongsi Awang Haji Mohd Khairul Azhar lagi. ■

TADABBUR SURAH YASIN

Oleh : Azizah Hidup



AWANG Hilman bin Haji Salim, Pengarah Pusat Kajian Fiqh Al-Usrah, KUPU SB semasa menyampaikan ceramah bertajuk "Tadabbur Surah Yasin."

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 4 Jamadilakhir bersamaan 7 Januari

Bahagian Pembangunan Sumber Tenaga Manusia dan Biasiswa, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengendalikan Program Tadabbur Al-Qur'an secara dalam talian melalui platform Microsoft Teams.

Dengan tajuk 'Tadabbur Surah Yasin', penerangan mengenainya disampaikan oleh Awang Hilman bin Haji Salim, fasilitator undangan iaitu Pengarah Pusat Kajian Fiqh Al-Usrah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Menurutnya, surah Yasin memang surah yang sering kita amalkan dan gunakan sebagai bacaan yang lazim bagi sesuatu majlis atau sambutan bagi memohon keberkatan daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

"Secara ijma' majoriti ulama bersepakat keseluruhan surah Yasin

tergolong daripada surah Makkiyah dan hanya ada sekelompok kecil ulama yang berpendapat bahawa ayat ke 12 adalah ayat Madaniyyah," ujarnya.

Beliau mengongsikan, surah Yasin adalah antara surah-surah utama dalam al-Qur'an dan mempunyai kelebihan dan khasiat.

"Surah Yasin adalah antara surah-surah al-Qur'an yang paling banyak kelebihannya dan khasiatnya. Banyak hadits Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam yang menyatakan kelebihan surah ini," tambahnya lagi.

Pada penghujung program, beliau turut mengongsikan kesimpulan keterangan tentang tema-tema utama surah Yasin yang antaranya iaitu dapat membangunkan jiwa dan raga; menggerakkan sensitiviti yang sangat kuat dan membuka mata batin untuk segera menerima kenabian Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam.



Dengan adanya program ini diharap dapat memberi manfaat kepada semua untuk lebih memahami dan menghayati serta dapat mengaplikasikan dalam kehidupan seharian. ■

TAKLIMAT PROGRAM BIMBINGAN DAN LATIHAN KEMAHIRAN BAHASA ARAB

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



PROGRAM Bimbangan dan Latihan Kemahiran Bahasa Arab yang diadakan di Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampong Rimba.

Bandar Seri Begawan, Isnin, 7 Jamadilakhir 1443 bersamaan 10 Januari

Sesi taklimat mengenai Program Bimbiningan dan Latihan Kemahiran Bahasa Arab telah diadakan di Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampong Rimba, dan dikendalikan oleh Unit Program Ta'zeez Al-Lughah Al-'Arabiah Bil Madaris Al-'Arabiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Taklimat dihadiri oleh Musyrif Tarbawi (Nazir-Nazir Bahasa Arab dan Al-Mawad Ad-Diniyyah), Pengetua-Pengetua dan Timbalan-timbalan Pengetua Sekolah Arab, serta tenaga pengajar yang dipilih sebagai Mudarrib Tempatan di Sekolah-Sekolah Arab. ■

BENGKEL PENCEGAHAN RASUAH

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



SEBAHAGIAN daripada pegawai dan kakitangan KHEU yang menghadiri taklimat berkenaan.

BERAKAS, Isnin, 28 Jamadilakhir bersamaan 31 Januari

Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Perancangan dan Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pentadbiran telah mengadakan taklimat dan bengkel pencegahan rasuah bagi pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang berlangsung di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Taklimat dan bengkel diadakan bertujuan untuk meningkatkan lagi kesedaran dari kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama tentang bahayanya melakukan perbuatan rasuah yang boleh merosakkan akhlak dan juga negara. Dengan adanya taklimat dan bengkel seumpama ini diharap akan dapat memberi pengetahuan dan kefahaman yang lebih jelas kepada

para peserta mengenai perkara-perkara yang boleh menyalahi akta dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Perdana Menteri dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab khususnya sebagai warga Kementerian Hal Ehwal Ugama dan juga sebagai warga Perkhidmatan Awam. ■

PESERTA KURSUS SKIM BIMBINGAN LANJUTAN TERIMA SIJIL

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



TETAMU kehormat majlis bergambar ramai bersama para peserta kursus.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Awang Abdul Khaliq bin Kamree, diikuti dengan ucapan nasihat daripada tetamu kehormat. Acara kemudian diteruskan dengan ucapan daripada Awang Al Ansar Adzin bin Abdul Halim Wong, wakil peserta kursus.

Majlis penyampaian sijil kepada peserta kursus disempurnakan oleh tetamu kehormat. Tiga peserta terbaik kursus diberikan kepada Muhd. Hafizuddin bin Muhd. Johara; Azharuddin bin Muhd. Nasiruddin; dan Al Ansar Adzin bin Abdul Halim Wong.

Kursus Skim Bimbingan Lanjutan 2 merupakan Projek Tahunan Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang dijalankan serentak di keempat-empat daerah. Seramai 11 Muallaf (lelaki), yang menetap di Daerah Belait, mengikuti kursus yang berlangsung selama 14 hari bermula pada 3 hingga 6 Ogos 2021, dan disambung semula, pada 8 hingga 17 Januari 2022 disebabkan oleh gelombang kedua penularan wabak COVID-19. ■

MAJLIS PENUTUP SKIM BIMBINGAN LANJUTAN II MUALLAF (PEREMPUAN)

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin

PULAI, Isnin, 28 Jamadilakhir bersamaan 31 Januari - Majlis Penutup Skim Bimbingan Lanjutan II Muallaf (Perempuan) Siri ke 36 dan Skim Bimbingan Asas (Dalam Bahasa Inggeris) Siri ke 13 telah berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Skim Bimbingan Lanjutan II bertujuan untuk memberikan bimbingan dan pendedahan dalam meningkatkan dan menghalusi lagi ilmu pengetahuan Islam para muallaf secara berterusan. Mata

pelajaran di dalam skim ini ialah Aqidah (Ajaran Sesat), Fiqh Muamalat, Fiqh Zakat, Kurban dan Aqiqah, Sejarah Islam, Tasawwuf, Muqqadimah dan Amali.

Skim Bimbingan Asas (Dalam Bahasa Inggeris) pula menanamkan kesungguhan kepada setiap muallaf dengan memberikan latihan kepada mereka secara teori dan praktikal, terutamanya dalam cara melaksanakan ibadah dalam kehidupan sehari-hari mereka. Mata pelajaran di dalam skim ini ialah Hafalan, Praktikal Ibadat, Tauhid, Fiqh, Makanan Dalam Islam, Akhlak Islam, serta Praktikal Fardhu Kifayah.

Seramai 20 peserta telah menyertai Skim Bimbingan Lanjutan II dan seramai 5 peserta telah menyertai Skim Bimbingan Asas (Dalam Bahasa Inggeris). Penyertaan ini terdiri daripada muallaf yang telah tamat menjalani Kursus Pengenalan Islam, Skim Bimbingan Asas dan Skim Bimbingan Lanjutan I. Skim ini telah berlangsung selama 14 hari bermula 18 Januari hingga 31 Januari 2022, dan dikendalikan oleh Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf). ■

BELAIT, Isnin, 14 Jamadilakhir bersamaan 17 Januari - Pejabat Unit Da'wah, Daerah Belait, mengadakan Majlis Penutup Kursus Skim Bimbingan Lanjutan 2 bagi Muallaf Lelaki Siri Ke-35, bertempat di Dewan Serbaguna, Pejabat Unit Da'wah, Daerah Belait.

Tetamu kehormat majlis ialah Awang Mohammad bin Abdullah, Ketua Kampung Bukit Sawat juga selaku Pemangku Ketua Kampung Rancangan Perumahan Negara Lorong Tengah Seria, Pemangku Penghulu Mukim Sukang/Mematai-matai Mukim Melilas.

PRODUK MENGGUNAKAN LABEL HALAL PALSU DIRAMPAS

Sumber dari Media Berita Kementerian Hal Ehwal Ugama

Bandar Seri Begawan, Sabtu, 26 Jamadilakhir bersamaan 29 Januari - Satu operasi telah dijalankan oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasaan Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syari'ah pada 25 Januari 2022 di salah sebuah premis di kawasan Gadong.

Berikutnya aduan orang ramai mengenai penggunaan Label Halal Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) tanpa kebenaran, hasil operasi mendapati sejumlah 10 kotak yang mengandungi 139 bungkus keropok dalam perisa 'Ikan Tuna' (lapan bungkus) dan 'Special Banyak Udang' (131 bungkus) berlabel Halal MUIB, termasuk tiga paket label pembungkusan yang mempunyai Logo Halal MUIB.

Kesemua barang tersebut telah dirampas dan seramai tiga orang yang berada di tempat kejadian juga diarahkan hadir ke Jabatan Hal Ehwal Syari'ah untuk siasatan lanjut.

Kes ini akan disiasat di bawah Bab 12(3)(a) Perintah Sijil Halal dan Label pengeluar tempatan berkaitan



PRODUK yang menggunakan Label Halal Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) tanpa kebenaran dirampas oleh pihak berkuasa.

Halal bagi kesalahan penggunaan Label Halal MUIB tanpa kebenaran, yang mana jika sabit kesalahan akan dikenakan hukuman denda sehingga \$8,000 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya sekali.

makanan untuk mendapatkan Permit Halal terlebih dahulu daripada MUIB bagi membolehkan syarikat menggunakan Label Halal MUIB ke atas produk-produk mereka.

Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syari'ah bersama-sama agensi penguatkuasaan lain akan sentiasa meningkatkan rondaan dan operasi bagi memastikan undang-undang dan peraturan-peraturan di negara ini sentiasa dipatuhi.



OPERASI yang dijalankan oleh Pegawai-Pegawai Penguatkuasaan Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syari'ah di salah sebuah premis di kawasan Gadong.

Di samping itu, Jabatan Hal Ehwal Syari'ah ingin mengucapkan penghargaan kepada orang ramai di atas kerjasama yang diberikan melalui perkongsian-perkongsian maklumat. Sebarang perkongsian maklumat bolehlah dilaporkan ke Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syari'ah melalui talian hotline 7166222 atau mana-mana pejabat Bahagian Kawalan Makanan Halal di setiap daerah. ■

Diari Hidayah

Majlis Pengislaman JANUARI 2022



STATISTIK PENGISLAMAN

Keramalan Orang yang Memeluk Usgama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2022



Dewasa: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke atas.
Kanak-kanak: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke bawah.

| Features |

DIVINE MAHABBAH

*Love of Allah, for Allah,
by Allah, With Allah*

Sharifah Khadijah Husien Alkaff

Introduction

Allah Subhanahu wa Ta'ala has said in surah at-Taubah verse 24:

If your fathers, and your sons and your brothers and your mates, and your relations, and the wealth that you have gained, and the trade in which your fear a decline, and the dwellings which please you are dearer to you than Allah and His Messenger and the struggling in this cause; then wait till Allah brings about His Command. "For Allah loves not the disobedient people."

Allah Subhanahu wa Ta'ala warns us in the above verse that if we love other people or things more than we do Allah Subhanahu wa Ta'ala, we are considered as 'disobedient' and we will suffer His wrath.

But what exactly does loving Allah Subhanahu wa Ta'ala

mean and what does it entail? This booklet attempts to shed some light on this question in the hope that together, *In sya Allah*, we will be able to develop a better understanding and appreciation of the importance of Mahabbah of Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Definitions of Divine Mahabbah

According to Fethullah Gulen, the word Mahabbah (love) itself means fondness, tender and kind feelings, and inclination and according to Syeikh Muhammad Yacoubi it is the inclination of the heart towards what it naturally desires.

Some people have defined Allah Subhanahu wa Ta'ala's love for His servants as the good and the favours He does unto them and the servants' love for Allah Subhanahu wa Ta'ala as obedience, devotion and their unconditional submission to Him.

The Sufis, who are well-known for their devotion to Allah Subhanahu wa Ta'ala, have defined love as the relation of the heart with the Truly Beloved or the irresistible desire felt for Him, or trying to comply with His desires or Commandments in all one's acts and thoughts. In other words, their concept of love centres on Divine Mahabbah or Divine Love and can be defined as total submission to the Beloved Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Al-Junayd wrote in a beautiful poem:

*A servant should overcome his soul;
And be continuous in the remembrance of his Lord;
Establishing the rights of his Lord;
Focusing upon Him with his heart;
The light of fear letting ablaze his heart;
Whilst drinking from the vessel of true love;
And certain realities become unveiled for him.
So when he talks, it is due to Allah.
When he speaks, it is from Allah.
When he moves, it is by the
Command of Allah.
And when he is serene, then it is from Allah.
He belongs to Allah, is for Allah,
and is with Allah*

-Al-Junayd.

(...to be continued)

Sifat merasai diri lebih sempurna daripada orang lain ialah orang yang hairankan dirinya sendiri, ia merasakan dirinya itu lebih sempurna, ibadatnya banyak, hartanya banyak, ia membesar dirinya, di samping itu ia lupa bahawa keadaanya itu adalah suatu ni'mat Allah, dan ia tidak merasa khuatir akan kehilangan ni'mat itu.

Memiliki al-'Ujub sangat dicela oleh syara' dan boleh merosakkan ibadat. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'alá* dalam surah at-Taubah ayat 25, mafhumnya:

Dan (ingatlah kejadian) di medan Perang Hunain iaitu ketika jumlah kamu yang ramai itu membanggakan kamu maka (jumlah kamu yang ramai itu) tidak mendatangkan faedah kepada kamu sedikit pun.

AL-'UJUB

*Sifat
Merasai
Diri Lebih
Sempurna*



أسماء الابناء

NAMA ANAK LAKI-LAKI

Ahda Abdur Rahman

أهدى عبد الرحمن

Yang Lebih Mendapat Petunjuk, Hamba Allah Yang Maha Pemurah

Ahmad Adzhan

أحمد أذن

Yang Sangat Terpuji, Yang Sangat Cerdik

Ali Ajwad

علي أجود

Yang Tinggi, Yang Lebih Pemurah

*Nama-Nama
BISAI*

untuk anak
damit



أسماء البنات

NAMA ANAK BINI-BINI

Arwa Aminah

أروى أمينة

Memberi Minum
Menghilangkan Dahaga,
Yang Dipercayai, Yang Jujur

'Aisyah 'Afifah

عائشة عفيفة

Kehidupan,
Yang Menjaga Maruah

'Ain Alwani

عين أولاني

Mata, Mata Air,
Warna Warniku

Dari 'Aisyah Radhiyallahu 'anha berkata:

"Sesungguhnya Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam pernah mengubah nama yang buruk."

(Riwayat Imam at-Tirmidzi)



'Maqashid Syar'iyyah'

"Dalam Islam, terdapat "Maqashid Syar'iyyah" bagi menjaga atau memelihara lima perkara asasi yang diperlukan oleh semua orang. Lima perkara tersebut ialah: menjaga atau memelihara ugama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Di dalam lain-lain aqidah tidak ada semua ini. Kalau adapun, mungkin tidak semua. Tetapi Islam adalah meliputi, kelima-lima itu mesti dipenuhi untuk kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat... ”

| Program Keugamaan Belia |

PROGRAM AL-KAHFI BERSAMA BELIA DA'IE


BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Jamadilakhir bersamaan 28 Januari - Seramai 120 orang awam dan Ahli Jawatankuasa Badan Sukarelawan Belia Da'ie di bawah naungan Urusetia Program Keugamaan Belia (PKB), Pusat Da'wah Islamiah telah mengikuti Majlis Pelancaran bagi Program Al-Kahfi Bersama Belia Da'ie. Majlis berlangsung melalui aplikasi Zoom dan di laman media sosial Instagram @beliadaie dan @pdi_kheu.

Program bertujuan untuk memupuk rasa mahabbah dan kemanisan dalam membaca kalam Allah Subhanahu wa Ta'alá melalui tilawah dan tadabbur secara berjemaah, di samping menggalakkan setiap umat Islam sentiasa melazimi sunnah Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam, iaitu dengan membaca surah al-Kahfi pada setiap hari Jumaat.

Turut hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Awang Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dan Sayyidul Istighfar yang diketuai oleh Awang Adib Zainul Zaky bin Haji Abdul Manaf, ahli ExCo Kepimpinan & Kerohanian Belia Da'ie.

Majlis kemudian diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Awang Muhamad Fuad bin Matahir, Pengurus Belia Da'ie. Belia menyampaikan perhargaan ke atas usaha ahli jawatankuasa Belia Da'ie serta sokongan padu yang berterusan daripada Urusetia PKB dalam menjayakan program dan aktiviti Belia Da'ie. Seterusnya Program Al-Kahfi Bersama Belia Da'ie dirasmikan dengan bacaan 10 ayat pertama surah al-Kahfi.



Majlis diteruskan lagi dengan sesi tadabbur ayat 1 hingga 10 dari surah al-Kahfi yang disampaikan oleh Dayang Siti Juhaidah binti Haji Bujang, Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Memohon Terhindar dari Wabak COVID-19, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam, Tasbih Kaffarah dan surah Al-'Asr. ■

MAJLIS PEMBUBARAN, PELANTIKAN MPP BAHARU KUPU SB

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9

Jamadilakhir bersamaan 12 Januari - Bahagian Hal Ehwal Pelajar melalui Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 1442H/2020M, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) mengadakan Majlis Pembubaran MPP Sesi 2020/2021 dan Majlis Pelantikan MPP yang baharu bagi Sesi 2021/2022, bertempat di Dewan Tarbiyah, KUPU SB.

Majlis tersebut diadakan setiap tahun dan akan diteruskan pada tahun-tahun akan datang sebagai aktiviti tahunan KUPU SB bersempena selesainya tempoh MPP Sesi 2020/2021.

Tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Dr. Haji Adanan bin Haji Basar, Ra'es KUPU SB. Majlis bermula dengan bacaan surah al-Fatihah dan Asma'ul-Husna yang diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam beramai-ramai.

Wan Muhammad Zahid bin Metusin, Yang Di-Pertua Pelajar bagi Sesi 2020/2021, dalam ucapan pembubaran merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ahli Persatuan Pelajar MPP Sesi 2020/2021 kerana dengan jayanya menjalankan beberapa program serta aktiviti dan majlis-majlis di bawah kendalian MPP sepanjang memegang jawatan dalam sesi 2020/2021 yang lalu.

Menurut beliau, pelbagai halangan, cabaran, dugaan, rintangan, kemunduran, kegagalan dan kejayaan yang dihadapi dengan hati yang kuat dan minda yang terbuka di dalam menjalankan tugas dan amanah yang diberikan.

Majlis diteruskan dengan tayangan video daripada MPP Sesi 2020/2021 dan pengumuman MPP yang baharu. Majlis juga diikuti dengan ucapan daripada Awang Haji Ahmad bin Haji Abas, Yang Di-Pertua Pelajar yang baharu.

Dalam ucapannya, beliau menyatakan bahawa mereka akan berusaha untuk membimbing



DR. Haji Adanan bin Haji Basar, Ra'es KUPU SB hadir pada Majlis Pembubaran Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2020/2021 dan Majlis Pelantikan MPP yang baharu bagi Sesi 2021/2022, bertempat di Dewan Tarbiyah, KUPU SB.

rakan-rakan sejawatan agar berganding bahu, bermuafakat untuk melaksanakan amanah yang diberikan dengan baik melalui bimbingan Dekan Pelajar dan para pegawai yang lain.

Bahkan mereka juga akan berusaha menjadi contoh kepada rakan-rakan dengan mematuhi peraturan KUPU SB dan tidak akan mengabaikan pembelajaran mereka dalam kesibukan menjalankan tugas.

Seramai 56 orang mahasiswa dipilih untuk dicalonkan sebagai Ahli MPP Sesi 2021/2022. Para calon terdiri daripada mahasiswa tahun dua dan tiga Program Sarjana Muda Perguruan Ugama dan Diploma Tertinggi Perguruan Ugama, sama ada mahasiswa latihan dalam perkhidmatan ataupun pra perkhidmatan.

Antara pengisian aktiviti ialah pembentangan Kunci Kira-Kira Kewangan oleh Bendahari MPP Sesi 2020/2021; pengumuman Ahli MPP Sesi 2021/2022; timbang terima dan penyerahan tugas dan fail kepada wakil Ahli MPP Sesi 2021/2022; dan ucapan pembubaran Ahli MPP Sesi 2020/2021 dan perasmian Ahli MPP Sesi 2021/2022 KUPU SB oleh Ra'es KUPU SB.

Majlis bertujuan bagi menjelaskan aliran kewangan persatuan pelajar sebelum pembubaran, di samping mengumumkan pelantikan Ahli-ahli MPP yang baharu dilantik serta mengongsikan pengalaman dalam melaksanakan pelbagai aktiviti sepanjang memegang jawatan. ■